



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

RABU
28 Januari 2026



Skim Lindung 24/7 dijangka bermula pertengahan tahun

Inisiatif perlu direncana dengan cermat pastikan manfaat diterima seluruh pekerja, rakyat

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Skim Lindung 24/7 yang diwujudkan selepas Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025 diluluskan sidang Parlimen tahun lalu, dijangka bermula seawal suku kedua tahun ini.

Ini adalah inisiatif keselamatan sosial yang diperluaskan untuk melindungi pekerja sektor formal di Malaysia selama 24 jam sehari, 7 hari seminggu, merangkumi kemalangan di luar waktu dan tempat kerja.

Pindaan undang-undang yang diluluskan pada 2025, memberi manfaat kepada hampir 10 juta pekerja dengan faedah perubatan, hilang upaya dan bantuan keluarga serta tanpa mengira situasi kejadian.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R Ramanan, berkata pelaksanaan skim itu perlu direncana dengan cermat bagi



Ramanan bersama Zulkifli dan Thillinadan pada Majlis Media Luncheon PERKESO 'Lindung Sahabat' di Kuala Lumpur, semalam.

memastikan manfaatnya diterima seluruh pekerja dan rakyat negara ini.

"Kita merancang skim ini dilaksanakan suku kedua atau suku ketiga tahun ini. Untuk itu, kita kena mengambil langkah yang cermat dan betul.

"Kita juga mahu ia bergerak selari program sedia ada dan kita bersedia melaksanakan skim ini.

"Namun, saya sahkan ia akan bermula tahun ini juga," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Media Luncheon PERKESO 'Lindung Sahabat' di sini semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan; Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Datuk Azman Mohd Yusof dan Pengerusi Lembaga PERKESO, Datuk Subahan Kamal serta Ketua Pegawai Eksekutif PERKESO, Datuk Sri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Pada perjumpaan media itu, Berita Harian (BH) diwakili Pengarang Kumpulan, Zulkifli Jalli; Timbalan Pengarang Kumpulan, M Thillinadan dan Pengarang Eksekutif (Pengelu-

ran) BH, Nazarudin Abu Bakar.

Sesi makan tengah hari itu berlangsung dengan kumpulan media diberi kesempatan untuk berkongsi pandangan mengenai situasi media semasa, termasuk cabaran dalam melaksanakan tugas kewartawanan. Ia dihadiri lebih 200 pengamal media daripada pelbagai agensi dari seluruh negara.

MITRA di bawah KESUMA

Terdahulu dalam majlis berasingan di Putrajaya, Ramanan berkata, Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MI-

TRA) yang sebelum ini di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri (JPM), kini dipindahkan ke KESUMA susulan persetujuan Jemaah Menteri baru-baru ini.

"Saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Jemaah Menteri yang telah memberikan tanggungjawab dan amanah sangat besar ini kepada KESUMA.

"KESUMA akan menjalankan tanggungjawab ini dengan sebaik mungkin," katanya ketika berucap pada majlis menandatangani dan penyerahan surat pemakluman program Dharma MADANI KESUMA di sini, semalam.

Beliau berkata, pemindahan MITRA bertujuan memastikan perancangan, pelaksanaan serta pemantauan inisiatif masyarakat India dapat dilaksanakan secara lebih tersusun, bersepadu dan berkesan, selaras dengan ekosistem pembangunan modal insan negara di bawah Kerajaan MADANI.

Ramanan menegaskan, tidak wujud sebarang konflik sekiranya MITRA diletakkan di bawah KESUMA, selagi mana aspek tatakelola dan peraturan dipatuhi.

"Kita akan patuh kepada program yang kita ingin laksanakan dan program diumumkan, asal ikut tatakelola, patuh kepada syarat program tersebut (pasti) tidak ada konflik wujud. Itu saya boleh bagi jaminan," katanya.



R. RAMANAN (tengah) bergambar pada majlis Media Luncheon Perkeso 'Lindung Sahabat' di Kuala Lumpur semalam. – AMIR KHALID

Skim Lindung 24/7 tahun ini

- Melalui proses perancangan rapi bersama program sedia ada
- Bakal beri manfaat baharu kepada 10 juta pekerja

Oleh AMIR HAIKAL KAMARUDIN

KUALA LUMPUR – Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanan berkata, Skim Lindung

24/7 yang diluluskan di Parlimen bulan lalu dijangka bermula seawal suku kedua atau ketiga tahun ini selepas melalui proses perancangan rapi dan penyesuaian bersama program sedia ada.

Menurut beliau, pelaksanaan inisiatif tersebut memerlukan langkah cermat bagi memastikan ia selari dengan dasar serta program perlindungan sosial lain yang sedang berjalan.

"Kita merancang skim ini dilaksanakan pada suku kedua atau suku ketiga tahun ini dan kita kena ambil langkah-langkah

yang cermat dan betul. Ia perlu bergerak selari dengan program-program sedia ada.

"Kita bersedia untuk melaksanakan skim ini dan saya sahkan ia akan bermula pada tahun ini juga," katanya ketika ditemui pemberita pada majlis Media Luncheon Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) 'Lindung Sahabat' di sini semalam.

Skim itu diwujudkan selepas Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025 diluluskan di Dewan Rakyat pada 2 Disember tahun

lalu.

Ia antara lain bertujuan memberi perlindungan menyeluruh kepada pekerja pada sepanjang masa, termasuk di luar waktu bekerja.

Ini akan memberi manfaat kepada hampir 10 juta pekerja formal di negara ini.

Pelaksanaannya adalah untuk mengelak situasi ribuan keluarga yang terpaksa menanggung sekos rawatan dan semua perbelanjaan pemulihan disebabkan kemalangan berlaku di luar waktu bekerja.

Akhbar	Kosmo!
Tarikh	28 Januari 2026
Ruang	Negara!
Muka Surat	8

Mitra kini bawah Kementerian Sumber Manusia

PUTRAJAYA – Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (Mitra) kini diletakkan secara rasmi di bawah Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) berkuat kuasa serta-merta.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanan berkata, keputusan bagi memindahkan unit itu di bawah kementerian berkenaan telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri baru-baru ini.

"Saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) dan Jemaah Menteri yang telah memberikan tanggungjawab dan amanah yang sangat besar ini kepada Kesuma.

"Saya yakin dengan kerjasama diberikan oleh pengurusan tertinggi kementerian yang diketuai oleh KSU (Ketua Setiausaha) dan kedua-dua TKSU (Timbalan Ketua Setiausaha), Kesuma akan menjalankan tanggungjawab ini sebaik mungkin," katanya.

Ramanan berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Bersama Pemimpin Masyarakat India dan Sesi Penyerahan Surat Kelulusan Program Dharma Madani di Bangunan Perkeso di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, keputusan meletakkan Mitra di bawah Kesuma telah dimuktamadkan dan kini dalam proses pewartaan yang dijangka dikeluarkan dalam tempoh seminggu.

Menurutnya, keputusan tersebut menjadikan ia sebagai kementerian yang akan berperanan memantau dan mengawal selia operasi Mitra selepas ini, termasuk aspek pengurusan serta penyaluran dana kepada penerima.

Beliau turut mengulas mengenai kebimbangan berkaitan ketelusan dana dengan menegaskan bahawa mekanisme pemantauan telah dan sedang dilaksanakan, termasuk pendedahan maklumat penerima bantuan kepada umum.

Katanya, setiap dana yang disalurkan melalui Mitra akan dipaparkan secara terbuka di laman web rasmi agensi itu, www.mitra.gov.my bagi memastikan ketelusan dan mengelak salah guna.

"Setiap penerima dana akan dipamerkan nama mereka di laman web rasmi Mitra," ujarnya.

WORKERS' SAFETY NET

Perkeso's Lindung 24/7 scheme may start in Q2

KUALA LUMPUR: The Social Security Organisation's (Perkeso) Lindung 24/7 scheme, which establishes a round-the-clock social security safety net for workers, may start in the second quarter.

Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan said the scheme, introduced in amendments to the Employees' Social Security Act, must be carefully planned to ensure benefits reach all workers and citizens.

"We are planning to implement this scheme in the second or early third quarter of this year. We must take careful and correct steps.

"It needs to run in tandem with existing programmes. We are ready to implement it and I confirm it will begin this year," he said after the Perkeso Lindung Sahabat media luncheon here yesterday.

Present were Deputy Human Resources Minister Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan, ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof, Perkeso board chairman Datuk Seri Subahan Kamal and Perkeso chief executive officer Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Also present were *New Straits Times* deputy group editor Sharanjit Singh, *Berita Harian* group

editor Zulkifli Jalil and deputy group editor M. Thillinadan.

The luncheon provided a platform for more than 200 media practitioners to share views on the current media landscape and journalistic challenges.

Earlier in Putrajaya, Ramanan said the Malaysian Indian Community Transformation Unit (Mitra) had been moved to the Human Resources Ministry, effective immediately.

The decision follows a cabinet directive, with the gazetting process for the move expected to be completed within a week.

He said even when Mitra was under the Prime Minister's Department, it was often overseen by Indian lawmakers or deputy ministers.

"When issues involving Mitra were raised, they were answered by ministers or deputy ministers of the community. For example, I answered all parliamentary questions on the matter when I was a deputy minister. So it is not an issue for it to move to the Human Resources Ministry or elsewhere."

He said the primary focus remains the proper use of funds to benefit the Indian community, particularly the B40 group.

PERKESO's 24-hour coverage scheme expected this year

KUALA LUMPUR: The round-the-clock social security initiative known as Lindung 24 Jam by PERKESO is expected to be implemented this year in line with evolving work patterns.

Human Resources Minister Datuk Seri Raman Ramakrishnan, who disclosed this, said the scheme was currently in the planning and coordination phase, with implementation targeted for the third quarter.

The ministry wants to ensure that the new scheme complemented existing initiatives before rolling it out, he added.

"Before we implement any initiative, we need to take careful and proper steps. We also need to make sure it is synchronised with other programmes," he added.

Raman was speaking at a media engagement session hosted by PERKESO here yesterday to recap the agency's developments in 2025 and priorities for the new year.

Lindung 24 Jam is an expansion of Perkeso's Employment Injury Scheme to protect employees against work-related accidents or occupational diseases.

The initiative was unveiled in Parliament when the Employees' Social Security (Amendment) Bill 2025 was presented for its first reading last October.

It is designed to close gaps in the national social security system by offering continuous coverage beyond regular working hours.

At present, PERKESO's Employment Injury Scheme covers incidents during working hours or while commuting.

The new scheme will extend coverage to



Sharing a light moment: Raman (second from left) taking part in an activity at the media engagement session. — RAJA FAISAL HISHAN/The Star

non-work-related incidents at any time of day.

Among the projects highlighted at the engagement session was PERKESO's neuro-robotic and cybernics rehabilitation centre in Bandar Meru Raya, Ipoh, which is partially operational and awaiting official launch.

PERKESO chief communications and branding officer Datuk Tengku Khalidah Tengku Bidin said the facility began partial operations last August and was being completed in phases, with full operations expected later this year.

The RM654mil centre, once fully operational, will provide advanced rehabilitation for injured workers and improve return-to-work outcomes.

Tengku Khalidah said employment facilitation would also remain a core focus in 2026, with its MyFutureJobs initiative continuing to play a central role in connecting jobseekers with employers.



ரா.தங்கமணி, எம்.அன்பா

புத்ராஜெயா, ஜன.28-
இந்திய சமுதாய உருமாற்றப் பிரிவு
(மித்ரா) இனி மனிதவள அமைச்சின் கீழ்
செயல்படும் என்று அதன் அமைச்சர்

மனிதவள அமைச்சின் கீழ் மித்ரா

டத்தோபுரீ ரமணன் ராமகிருஷ்ணன் தெரிவித்தார்.
இந்நாட்டிலுள்ள இந்திய சமுதாயத்தின் சமூக,
பொருளாதார அந்தஸ்தை
மேம்படுத்தும் வகையில்
உருமாற்றப்பட்ட மித்ரா
இந்நாள் வரையிலும்
பிரதமர் இலாகா கீழ்
செயல்பட்டு வந்தது.

பக்கம் 13

ரமணன் அறிவிப்பு